Infra Quest Sdn Bhd lwn Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

A

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN SIVIL NO 16–NCvC–2–01 TAHUN 2014
AHMAD BACHE PK
30 OGOS 2015

B

Prosedur Sivil — Mahkamah — Mahkamah Tinggi — Kuasa budi bicara — Audit meja oleh Jabatan Hasil dalam Negeri — Penyerahan butiran cukai tidak betul oleh syarikat — Syarikat diputuskan tidak layak menuntut elaun modal — Syarikat merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') — PKCP mengesahkan keputusan Jabatan Hasil dalam Negeri — Permohonan kepada PKCP agar satu kes dinyatakan untuk pendapat Mahkamah Tinggi — Sama ada mahkamah wajar menggunakan budi bicaranya memberikan perintah menghendaki PKCP mencari fakta-fakta lanjutan dan menyatakan kes tambahan

C

D

Perayu adalah syarikat perniagaan pelesenan menara-menara telekomunikasi. Melalui satu audit meja, responden mendapati bahawa perayu telah membuat penyerahan butiran cukai yang tidak betul bagi tahun taksiran 2003 sehingga 2008. Kesan daripada itu, perayu tidak layak menuntut elaun modal. Perayu mempertikaikan tindakan responden menjalankan audit meja bagi tahun 2003 dan 2004 selepas enam tahun apabila tamatnya tahun-tahun taksiran 2003 dan 2004. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan responden dan merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') tetapi rayuan tersebut gagal. PKCP memutuskan bahawa menara-menara telekomunikasi perayu bukan loji ('plant') tetapi adalah struktur atau premis yang tidak melayakkan perayu menuntut elaun modal dan, bahawa tindakan responden menjalankan audit meja tersebut sah dan tidak dihalang oleh had masa. Perayu tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan PKCP dan membuat permohonan kepada PKCP agar menyatakan satu kes dinyatakan untuk pendapat mahkamah ini. Isu yang perlu diputuskan adalah sama ada mahkamah wajar menggunakan budi bicaranya memberikan perintah menghendaki PKCP mencari fakta-fakta lanjutan dan menyatakan kes tambahan.

E

F

G

H

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Semua fakta perlu dibuktikan oleh saksi-saksi. Berdasarkan autoriti dan Akta Keterangan 1950, suatu fakta boleh dibuktikan melalui inferens daripada fakta-fakta utama yang telah dibuktikan atau yang telah dipersetujui. Pemerhatian mahkamah mengenai perkara ini adalah berdasarkan kepada fakta-fakta yang dipersetujui dan yang dibuktikan adalah jelas bahawa fakta-fakta yang dikehendaki oleh perayu dan

I

responden. Fakta-fakta yang dirujuk sebelum ini mencukupi bagi PKCP meneliti, mempertimbang dan juga mengasaskan dapatan mereka untuk menolak rayuan perayu. Mahkamah ini tidak boleh menghakimi terlebih dahulu iaitu kes dinyatakan di peringkat pendengaran ini. Tiada apa-apa fakta tambahan yang perlu dicari oleh PKCP lagi (lihat perenggan 25–26 & 33).

[English summary

The appellant was a company licensing business of telecommunication towers. By way of a desk audit, respondents found that the appellant had made a submission of the details of incorrect tax for the year of assessment 2003 until 2008. Consequently, the appellant was not eligible for capital allowances. The appellant questioned the actions of the respondents in conducting a desk audit for the years 2003 and 2004 after six years at the close of years of assessment 2003 and 2004. The appellant was dissatisfied with the decision of the respondents and appealed to the Special Commissioners of Income Tax ('SCIT') but the appeal was unsuccessful. SCIT decided that the appellant telecommunication towers instead of plant but was structure or premises which do not qualify for capital allowance and the appellant, that the actions of of the respondents in conducting a desk audit was valid and not restricted by a time limit. The appellant was not satisfied with the overall results of the SCIT and made an application to SCIT declare a case stated for the opinion of this court. The issue to be decided was whether the court should exercise its discretion by grant an order requiring the SCIT to find further facts continued and stated additional cases.

Held, dismissing the application:

(1) All facts must by witnesses. Based on the authority and the Evidence Act 1950, a fact can be proved by inference from facts that have been or agreed upon. The observation the court on this matter was based on the agreed and facts proved and was clear that the facts required by the appellant and the respondent. The facts referred to earlier was sufficient for PKCP to examine, consider and also based their findings to dismiss the appellant's appeal. This court could not pass judgment at this trial stage of the case. It was not necessary for PKCP to sought any additional facts (see para 25–26 & 33).]

Kes-kes yang dirujuk

Chua Lip Kong v Director General of Inland Revenue [1982] 1 MLJ 235, PC (diikut)

Consolidated Goldfields Plc v Inland Revenue Commissioners [1990] 2 All ER 398, Ch D (dirujuk)

E v Comptroller-General of Inland Revenue [1970] 2 MLJ 117, MP (dirujuk)

Fitzpatrick v Inland Revenue Commissioners and related appeals (No 2) [1992] STC 406 (dirujuk)
NYF Realty Sdn Bhd v Comptroller of Inland Revenue [1974] 1 MLJ 182 (dirujuk)
UHG v Director General of Inland Revenue [1974] 2 MLJ 33, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 Jadual 3 perenggan 40, Jadual 5 perenggan 34, perenggan 40, perenggan 40(b)
Akta Keterangan 1950

DP Naban (S Saravana Kumar bersamanya) (Lee Hishamuddin Allen & Gledhill) bagi pihak perayu.
Wan Hamdanie bt Wan Mohamad (Ahmad Isyak bin Mohd Hassan bersamanya) (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) bagi pihak responden.

Ahmad Bache PK:

PENDAHULUAN

[1] Sebelum ini perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, iaitu responden dalam kes ini, telah merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') terhadap keputusan responden tersebut. PKCP telah mendengar rayuan perayu tersebut, dan pada 27 September 2013 telah menolak rayuan perayu.

[2] Seterusnya oleh kerana tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan PKCP tersebut, perayu telah membuat permohonan di bawah perenggan 34 Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta 53') kepada PKCP untuk menyatakan satu kes dinyatakan (*case stated*) pada 23 Oktober 2013 bagi pendapat Mahkamah Tinggi ini iaitu kandungan mahkamah No 3 ('kandungan 3').

[3] Sebelum kandungan 3 didengar oleh Mahkamah ini, perayu telah memfailkan notis permohonan interlokutari pada 17 April 2014, iaitu kandungan mahkamah No 7 ('kandungan 7'), di bawah perenggan 40(b) Jadual 5 Akta 53 untuk sama ada mahkamah ini patut memberi perintah menghendaki PKCP mencari fakta-fakta lanjutan dan menyatakan kes tambahan kepada kes dinyatakan yang difailkan oleh PKCP pada 15 April 2014, sebagaimana yang terkandung dalam afidavit yang diikrarkan oleh Saravan Kumar a/l Segaran pada 13 April 2014 ('afidavit SKS'), khususnya eksh SKS4, iaitu surat SKS kepada PKCP bertarikh 13 Disember 2013. Fakta-fakta lanjutan dan kes tambahan serta dengan alasan-alasan untuk kandungan 7 yang difailkan oleh perayu akan diperincikan selepas ini.

A LATAR BELAKANG KES

[4] Perayu adalah syarikat perniagaan pelesenan (‘*licensing*’) menara-menara telekomunikasi perayu kepada syarikat-syarikat telekomunikasi yang memasangkan antena-antena mereka kepada menara-menara telekomunikasi perayu.

[5] Pada tahun 2010, responden telah mendapati melalui audit meja bahawa perayu telah membuat penyerahan butiran cukai (retan-retan) bagi tahun taksiran 2003 sehingga 2008 yang tidak betul dengan menuntut elaun modal yang dibelanjakan oleh perayu bagi menara-menara telekomunikasi yang dibina oleh perayu atas alasan bahawa menara-menara tersebut adalah loji (‘plant’) yang melayakkan perayu mendapat elaun modal (‘*capital allowance*’) di bawah Akta 53.

[6] Responden pula mengatakan bahawa menara-menara telekomunikasi perayu tersebut adalah struktur atau premis (‘*premise*’) yang tidak melayakkan elaun modal. Kesan daripada itu, perayu tidak layak untuk menuntut elaun modal.

[7] Perayu juga mempertikaikan tindakan responden menjalankan audit meja bagi tahun 2003 dan 2004 selepas enam tahun apabila tamatnya tahun-tahun taksiran 2003 dan 2004.

[8] Perayu tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan responden dan telah merayu kepada PKCP yang mana pendengaran rayuan tersebut telah diadakan pada 14 hingga 15 Mei 2013.

[9] PKCP telah bersetuju dengan responden dan memutuskan bahawa menara-menara telekomunikasi perayu tersebut bukan loji (‘plant’) tetapi adalah struktur atau premis (‘*premise*’) yang tidak melayakkan perayu menuntut elaun modal dan, bahawa tindakan responden menjalankan audit meja bagi tahun 2003 dan 2004 selepas enam tahun apabila tamatnya tahun-tahun taksiran 2003 dan 2004 adalah sah dan tidak dihalang oleh had masa.

[10] Perayu tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan PKCP dan membuat permohonan kepada PKCP agar menyatakan satu kes dinyatakan (‘*case stated*’) untuk pendapat mahkamah ini.

ISU UNTUK PENENTUAN MAHKAMAH

[11] Isu yang perlu ditentukan adalah samada mahkamah ini patut menggunakan budi bicaranya memberikan perintah menghendaki PKCP mencari fakta-fakta lanjutan dan menyatakan kes tambahan kepada kandungan 3.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG

[12] Berikut adalah peruntukan statutori dan autoriti-autoriti yang telah dirujuk oleh kedua-dua pihak dalam hujah mereka berhubung permohonan kandungan 7 ini.

> Perenggan 40(b) Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53)
>
> 40 At any time before it determines the questions of law arising on a case stated under paragraph 34, the High Court may –
>
> (a) ...
>
> (b) require the Special Commissioners to *find* further facts and state a supplementary case ...
>
> (Penekanan ditambah.)

[13] Kes *Chua Lip Kong v Director General of Inland Revenue* [1982] 1 MLJ 235 di mana mahkamah memutuskan:

> Findings of primary facts by the Special Commisioners are unassailable. They can be neither overruled nor supplanted by the High Court itself, ocassionally they may be *insufficient* to enable the High Court to decide the question of law sought to be raised by the Case Stated, but in that event it will be *remitted* to the Commissioners themselves for further findings.
>
> (Penekanan ditambah.)

[14] Kes *Consolidated Goldfields Plc v Inland Revenue Commissioners* [1990] 2 All ER 398 mahkamah menyatakan :

> (i) The findings of facts are for the commissioners. *They cannot be instructed to find facts, nor as to the manner which they express their findings.*
>
> (ii)
>
> (iii) If a request is made for a case stated to be remitted for additional findings to be made or to be considered, the applicant must, in my opinion, show that the desired findings are: (a) *material to some tenable argument* (b) at least reasonably *open on the evidence that has been adduced*; and (c) *not inconsistent with the findings that have already been made.*
>
> (Penekanan ditambah.)

[15] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *UHG v Director General of Inland Revenue* [1974] 2 MLJ 33 yang memutuskan:

> It is well established that where the appeal is by way of a Case Stated a statutory duty is laid upon the Special Commissioners to set forth the facts as found by them and the deciding order but not the evidence on which the findings are based. *The court of appeal is not concerned with the evidence given in the Case Stated but with the facts therein stated* and it is points of law upon those facts the court has to decide.
>
> (Penekanan ditambah.)

[16] Dalam kes *E v Comptroller-General of Inland Revenue* [1970] 2 MLJ 117 yang mana Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada *Halsbury*, (3rd Ed), Vol 20, perenggan 1364 ms 691 menyatakan:

> The case contains a statement of the facts and the determination of the commissioners. A finding of the facts is required, *not a verbatim statement of the evidence* ... and it is not a convenient practice to attach the evidence to the case, because it is for the commissioners to find the facts. *There should be a definite finding, not an approval of contentions* ... In cases where the commissioners have to deduce a conclusion of fact from primary facts or proved before them, the question of law is whether the primary facts found or admitted can support the further conclusions of fact, and the point ought to be stated.
>
> (Penekanan ditambah.)

[17] Dalam kes *NYF Realty Sdn Bhd v Comptroller of Inland Revenue* [1974] 1 MLJ 182 mahkamah memutuskan:

> It was the duty of the Special Commissioners to have considered every relevant fact both for and against the appellants with due care and if they failed to take into consideration some material evidence or had overlooked some crucial fact, their act amounted to a misdirection in law. In such an event, it is the duty of the court to interfere and in a proper case the decision of the Special Commissioners can be set aside on that ground.

[18] Kes *Fitzpatrick v Inland Revenue Commissioners and related appeals (No 2)* [1992] STC 406 menyatakan:

> ... that the establishing of such a fact was essential to the success of the claim but were unable to hold that fact established because of the state of the evidence; in that type of case it would be clear, and would be made explicit, that the party on whom the onus rested failed because he had not discharged that onus. Accordingly, to put it another way, in a properly stated case, each of the essential matters listed will be clearly addressed by the commissioners.

ALASAN-ALASAN BAGI PERMOHONAN KANDUNGAN 7 DAN HUJAH PIHAK PERAYU DAN PENEMUAN OLEH MAHKAMAH INI

[19] Alasan-alasan permohonan dan fakta-fakta lanjutan serta kes tambahan dinyatakan dalam kandungan 7 yang disokong dengan afidavit SKS khususnya eksh SKS4.

[20] Alasan pertama perayu di ms 19 hujah bertulis perayu adalah seperti berikut:

> The fact remains that the Revenue/Respondent did not lead any evidence whether through RW1, cross-examination of AW1 or documentary evidence to establish that Taxpayer/Appellant was to provide telecommunication towers as a setting or premise to be rented to telecommunication company operators to place telecommunication appliances such as antennas.

[21] Perayu seterusnya berhujah bahawa *'it begs the question as to how the special commissioners arrived at this finding when no such evidence whatsoever was led on this point'.*

[22] Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan alasan dan hujahan perayu tersebut. Berdasarkan kepada fakta yang dipersetujui di ms 3 dan 4 di dalam alasan penghakiman dalam kandungan 3, PKCP mendapati :

> 7.1(ii) Aktiviti utama perniagaan perayu adalah menyediakan dan mengendalikan menara telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat komunikasi.

[23] Seterusnya, melalui fakta yang dibuktikan di ms 6, 7 dan 8 alasan penghakiman di kandungan 3 PKCP mendapati bahawa:

> 7.2 (ii) Perniagaan perayu adalah menyediakan menara-menara telekomunikasi sebagai suatu tempat atau premis untuk disewa kepada operator syarikat telekomunikasi bagi meletakkan peralatan-peralatan telekomunikasi seperti antenna milik syarikat telekomunikasi berkenaan.
>
> (iii) Antara syarikat telekomunikasi yang menjadi pelanggan Perayu adalah Celcom ...
>
> (iv) Menara telekomunikasi ini dibina oleh syarikat lain yang diarahkan oleh Perayu dan perbelanjaan bagi pembinaannya ditanggung oleh Perayu tetapi Perayu tidak bertanggungjawab kepada apa-apa kegagalan peralatan telekomunikasi syarikat-syarikat pengendali system telekomunikasi yang diletakkan di menara-menara.
>
> (v) Syarikat pengendali telekomunikasi membayar sewa kepada Perayu bagi tujuan meletakkan peralatan telekomunikasi milik mereka di menara telekomunikasi tersebut.

(vi) Perayu tidak menjalankan urusan perniagaan di menara telekomunikasi yang dibina dan hanya menjalankan perniagaannya di alamat Lot 1045, Jalan Dato' Lundang, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Tiada seorang pun kakitangan yang diletakkan di menara telekomunikasi tersebut dan tiada surat-menyurat kepada Perayu yang dialamatkan ke menara telekomunikasi tersebut

(viii) Perayu juga tidak menggunakan menara telekomunikasi sebagai suatu alat atau loji. Menara telekomunikasi tersebut merupakan premis yang disewakan kepada syarikat pengendali telekomunikasi.

Pemerhatian mahkamah di peringkat ini adalah fakta yang ada adalah mencukupi untuk PKCP membuat dapatan tersebut.

[24] Hujah perayu seterusnya adalah berhubung perenggan 4(b) eksh SKS4 iaitu:

Unlike building landlords, the Tax payer/Appellant specifically constructed the telecommunication towers for the purposes of its business which is to license the telecommunication service providers to affix their antennas. AW1 added that unlike buildings, the telecommunication towers could not be used for other purposes.

AW1's unchallenged testimony ... clearly illustrates this. The Revenue/Respondent did not lead any evidence whether through RW1 or otherwise to contradict the above.

In these circumstances, it is baffling as to how the Special Commissioners arrived at their conclusion.

[25] Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan alasan dan hujah perayu tersebut. Mahkamah ini perlu menekankan di sini bahawa bukan semua fakta perlu dibuktikan oleh saksi-saksi. Berdasarkan kepada autoriti dan Akta Keterangan 1950 ('Akta 56'), suatu fakta boleh dibuktikan melalui inferens daripada fakta-fakta primary yang telah dibuktikan ataupun yang telah dipersetujui.

[26] Pemerhatian mahkamah mengenai perkara ini adalah berdasarkan kepada fakta-fakta yang dipersetujui dan yang dibuktikan adalah jelas bahawa fakta-fakta yang dikehendaki oleh perayu iaitu menara-menara telekomunikasi digunakan hanya untuk aktiviti melesenkan syarikat-syarikat pengendali telekomunikasi untuk meletakkan antena-antena mereka di menara-menara telekomunikasi perayu yang dikatakan oleh perayu digunakan khususnya untuk aktiviti tersebut sahaja telah dibuktikan. Berdasarkan kepada itu, pihak responden tidak menyangkal fakta-fakta tersebut dan ini adalah selaras dengan apa yang diputuskan oleh Privy Council dalam kes *Chua Lip Kong* yang dirujuk di atas iaitu:

From the *primary facts admitted or proved* the Commissioners are entitled *to draw inferences*; such inferences may themselves be inferences of pure facts in which case

they are as unassailable as the Commissioners' finding of a primary fact.

[27] Hujah seterusnya oleh perayu adalah berhubung perenggan 4(c) eksh SKS4 iaitu isu berkaitan kelayakan elaun modal dan juga bahawa notis-notis taksiran yang dikeluarkan oleh responden telah melebihi enam tahun dari tahun taksiran yang berkenaan.

[28] Untuk itu, pihak perayu berhujah bahawa fakta-fakta daripada testimoni-testimoni AW1 dan RW1 (perenggan 6(a)-(i) eksh SKS4) seperti berikut perlu dimasukkan dalam kandungan 3 iaitu:

> 6(a) Pada semua masa material Perayu mengambil nasihat professional daripada firma agen cukai yang professional dan bebas daripada Perayu;
>
> (b) Tidak ada ketetapan umum yang dikeluarkan oleh Responden pada tahun 2003 atau 2004 berhubung dengan elaun modal terhadap menara-menara telekomunikasi;
>
> (c) Semua dokumen yang diminta oleh Responden disediakan dengan sewajarnya oleh Perayu:
>
> (d) Butir-butir berkaitan dengan elaun modal dinyatakan dalam pengiraan cukai;
>
> (e) Perayu membuat full and frank disclosure mengenai layanan cukai Perayu berhubung dengan elau modal;
>
> (f) Penyata Cukai bagi tahun-tahun taksiran 2003 dan 2004 difailkan dalam tempoh statutori yang ditetapkan;
>
> (g) Notis-notis taksiran yang dikeluarkan adalah melebihi 6 tahun dari tahun taksiran yang berkenaan;
>
> (h) Responden tidak memberi sebab-sebab untuk menerangkan taksiran-taksiran di luar masa; dan
>
> (i) Tidak ada cubaan oleh Perayu untuk melarikan atau mengelakkan cukai.

Pemerhatian mahkamah ini di peringkat ini ialah fakta-fakta yang ada adalah mencukupi untuk PKCP membuat dapatan fakta sewajarnya.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[29] Setelah meneliti alasan penghakiman PKCP dari ms 44 dalam kandungan 3, mahkamah ini mendapati fakta-fakta yang dirujuk sebelum ini adalah mencukupi bagi PKCP meneliti, mempertimbang dan juga mengasaskan dapatan mereka untuk menolak rayuan perayu. Mahkamah ini juga mengingatkan supaya mahkamah ini tidak boleh prejudge kandungan 3 iaitu kes dinyatakan di peringkat pendengaran kandungan 7 ini. Justru mahkamah ini perlu mengambil apa-apa pendekatan dengan berhati-hati.

[30] Namun demikian, dari penelitian alasan penghakiman PKCP di ms 12–44 kandungan 3 adalah jelas bahawa fakta-fakta tersebut sebenarnya telah dibuktikan di hadapan PKCP.

[31] Sebagai contoh, isu had masa dan juga kelayakan bagi tuntutan elaun modal, PKCP telah memutuskan di ms 13 seperti berikut:

> Berdasarkan keterangan pihak saksi Responden iaitu Encik Nik Ibrahim bin Nik Yusoff (RW1), pihak Perayu telah cuai dalam menuntut elaun modal ke atas pemancar telekomunikasi kerana menara tersebut bukanlah sebuah loji atau jentera menurut peruntukan di bawah Jadual 3 ACP (Akta Cukai Pendapatan). Pihak KPHDN (Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) hanya menyedari kecuaian yang berlaku apabila saksi RW1 melakukan audit meja ke atas perniagaan Perayu dengan meminta Perayu mengemukakan akaun beraudit bagi tahun taksiran 2003 hingga 2008.

[32] Di ms 22 kandungan 3 PKCP menyatakan:

> I note that AW1 was not able to explain why the Appellant had negligently regarded the telecommunication towers as plant under the ITA (Income Tax Act). The Appellant is not absolved from its statutory duty in filing correct returns just because it had taken professional advice. The contention that no public ruling had been issued with regards to telecommunication towers also cannot be accepted as there is no legal obligation on the part of the Respondent to issue any public ruling since the law is clear.

[33] Setelah meneliti alasan penghakiman tersebut, mahkamah ini berpuas hati bahawa fakta-fakta telah mencukupi untuk pendengaran kandungan 3 dan tiada apa-apa fakta-fata tambahan yang perlu dicari oleh PKCP lagi.

[34] Penekanan perlu dibuat di sini bahawa permohonan interlokutori di bawah perenggan 40 Jadual 3 Akta 53 ini memperuntukkan kepada mahkamah budi bicara untuk menghendaki Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan mencari fakta-fakta lanjutan dengan penggunaan perkataan 'boleh' (*may*) dalam perenggan 40 tersebut.

[35] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas mahkamah ini menggunakan budibicaranya untuk tidak membenarkan permohonan kandungan 7 sepertimana yang dijelaskan dalam alasan-alasan di atas bahawa fakta-fakta yang sedia ada adalah mencukupi untuk mahkamah ini membuat suatu penentuan undang-undang (*determination on a question of law*) bagi kandungan 3.

[36] Untuk melengkapkan alasan perintah ini, mahkamah ini dengan rendah diri juga berpandangan bahawa perayu telah tersalah mentafsir peruntukan perenggan 40 Jadual 5 Akta 53 dengan memfailkan permohonan

ini sebelum pendengaran kes dinyatakan ('kandungan 3'). Mahkamah ini memberi penekanan kepada perkataan-perkataan 'At any time *before it determines* the questions of law arising on a case stated under para 34, the *High Court may*:

(a) ...

(b) *require the special commissioners* to find further facts and state a supplementary case ... '

[37] Mengikut tafsiran *literal*, peruntukan tersebut hanya terpakai apabila pendengaran kes dinyatakan sedang berjalan tetapi sebelum Mahkamah Tinggi membuat penentuan undang-undang ia boleh menghendaki Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan mencari fakta lanjutan dan membuat kes tambahan bagi tujuan membuat penentuan undang-undang tersebut.

[38] Ini bermakna bukan mana-mana pihak yang terlibat dalam kes dinyatakan yang akan membuat permohonan sepertimana yang berlaku dalam kes ini kerana hanya mahkamah yang berkompeten untuk memberi penentuan undang-undang dan berpengetahuan sama ada ia mempunyai fakta-fakta yang mencukupi bagi membuat penentuan tersebut. Mahkamah akan hanya mengetahui apabila dalam proses mendengar kes dinyatakan ia mendapati fakta-fakta lanjut serta kes tambahan adalah diperlukan, maka ia boleh menggunakan budi bicara yang diperuntukkan dalam perenggan 40 tersebut bagi menghendaki Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan mencari fakta lanjutan serta membuat kes tambahan.

[39] Dengan adanya permohonan seperti yang terdapat dalam kes ini, mahkamah ini berpandangan seolah-olah prosiding di hadapan mahkamah ini telah bertukar menjadi satu rayuan di mana fakta-fakta dan keterangan-keterangan dibuka semula untuk dipertikai dan didengar di hadapan mahkamah sehinggalah proses sedemikian dapat memuaskan hati pihak yang tidak berpuas hati yang berkemunkingan besar akan membawa rayuan berhubung fakta-fakta dan keterangan-keterangan tersebut sehinggalah ke peringkat rayuan atasan walhal di bawah Akta 53 pihak mahkamah hanya diberi bidangkuasa setakat untuk memberikan pendapat dalam bentuk penentuan undang-undang sahaja dan memberi kuasa kepada PKCP sebagai '*trier of fact*' untuk menentukan dapatan fakta kerana ianya melibatkan isu-isu teknikal.

[40] Oleh yang demikian kandungan 7 adalah dengan ini ditolak. Oleh kerana pihak-pihak tidak menghujah mengenai kos, tiada perintah mengenai kos diberikan.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad